



فجابت جوروترا دائيره، جابتن كرجاي كينتا

PEJABAT JURUTERA DAERAH,
JABATAN KERJA RAYA KINTA,
JALAN CHARLETON,
30100 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.




Telefon : 05-527 7055
Faks : 05-527 8055
L. Web : www.jkrperak.gov.my

Ruj. Kami : Bil. (25) dlm. J.D. Kta.200-7/7/12 JLD.11

Rujukan : KUDR/TNBB/B/01/26/0039 (16)

23 Februari 2026



Koridor Utiliti Darul Ridzuan,
B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Tuan,

Tajuk Projek : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK BERALAMAT DI LOT 29531 JALAN BATU 9, JALAN TANJUNG TUALANG 31800 TANJUNG TUALANG PERAK UNTUK TETUAN C K SAWIT TRADING SDN BHD.

Lokasi : Lokasi : Jalan Tanjung Tualang (A15).
Jarak : 339 Meter – Pemasangan kabel selari jalan (overhead, OH)
Koordinat Mula: 4°20'11.6"N 101°03'59.0"E
Koordinat Akhir: 4°20'22.0"N 101°03'59.4"E

Perkara : Permohonan Izin Lalu – Kelulusan Bersyarat

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat ruj KUDR/TNBB/B/01/26/0039 (16) yang diterima pada 09hb. Februari 2026 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pejabat ini tiada halangan ke atas permohonan Izin Lalu di atas dengan syarat :

- Tidak menggunakan kaedah korekan terbuka pada pavement JKR,
- Manhole / HDD Pit / kemudahan utiliti milik tuan tidak dibina pada pavement JKR (perlu dibina pada kawasan Green Area di dalam kawasan ROW yang paling maksimum),
- Perlu mematuhi kesemua syarat berkaitan di dalam Seksyen 85 Akta 333, Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan serta mematuhi perundangan lain yang berkaitan dari semasa ke semasa,
- Sebarang kemudahan utiliti milik tuan tidak dibenarkan dipasang / ditambah pada struktur jambatan milik JKR bagi mengelakkan sebarang risiko kepada pengguna jalan serta aset kerajaan,
- Keperluan penanaman kabel utiliti / paip dengan kedalaman minimum 1.5m di dalam kawasan ROW (bahu jalan) yang paling maksimum,
- Membaiki kembali turapan jalan & garisan jalan (*edgeline, centreline & transverse bars*) yang rosak akibat pelaksanaan kerja dengan kaedah kerja serta syarat yang diluluskan oleh Jurutera Daerah,
- Membersihkan kembali permukaan jalan daripada kotoran akibat pelaksanaan kerja,
- Rumput, lanskap, perparitan, papan tanda, *guardrail, road kerb* & aset lain yang rosak di bahu jalan akibat pelaksanaan kerja perlu diganti / ditanam semula.
- Sisa kerja korekan / lebihan tanah / sampah dari pelaksanaan kerja perlu dibuang keluar dari bahu jalan,
- Semua jentera kerja diwajibkan menggunakan pelapik perlindungan bagi mengelakkan kerosakan pada pavement jalan semasa menjalankan kerja,
- Bahu jalan (*Green Area*) yang dikorek perlu ditambah semula serta dipadatkan dengan sempurna agar air *run off* dari jalan dapat mengalir lancar melalui bahu jalan ke sistem perparitan berhampiran,

“PERAK SEJAHTERA 2030”

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

Ruj. Kami : Bil.()dlm. J.D. Kta.200-7/7/12 JLD.11
Ruj. Tuan : KUDR/TNBB/B/01/26/0039 (16)
Tarikh : Februari 2026

- l) Telah mengambilkira keperluan serta risiko lain yang wujud akibat dari jajaran utiliti pihak lain sedia ada (Gas Malaysia dan lain lain), sistem perparitan termasuk pembentung, premis awam / persendirian di bahu jalan yang terhad serta keselamatan lalu lintas awam di laluan berkaitan,
- m) Menggunakan kawalan trafik seperti TMP dan TCP yang diperakui orang kompeten serta Pengawal Bendera (*flagmen*) di tapak bagi menjamin keselamatan trafik,
- n) Tidak dibenarkan memasang kabel secara *overhead* merentangi jalan,
- o) Bagi kerja pemasangan utiliti merentangi jalan, hanya kaedah *Trenchless* sahaja dibenarkan,
- p) Pemasangan kabel *overhead* hanya dibenarkan untuk kabel yang selari dengan jalan sahaja,
- q) Mematuhi segala syarat yang berkaitan, prosedur yang ditetapkan serta arahan daripada Pengarah JKR Negeri Perak dan Jurutera Daerah JKR Kinta dari semasa ke semasa

3. Pejabat ini **MEMBERI KEBENARAN** tempoh Izin Lalu kepada pihak tuan untuk melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Sehubungan dengan itu, tarikh kebenaran Izin Lalu yang diberikan adalah seperti berikut :


Tarikh Mula Izin Lalu	23.02.2026
Tarikh Tamat Izin Lalu	22.08.2026

4. Semasa tempoh ini masih berkuatkuasa, pihak tuan perlulah mengemukakan permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti bersama dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana dalam Senarai Semak Permohonan Kelulusan/ Permit kepada pejabat ini selewat-lewatnya **satu (1) bulan sebelum Tarikh Tamat Izin Lalu**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(Ir. RIJAL NAZLI BIN SULAIMAN)
Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya Kinta
Perak Darul Ridzuan
Syihan/DS/Feb26
s.k.

- 1. Pengarah Kerja Raya,
Negeri Perak Darul Ridzuan
(u.p: Jurutera Awam Penguasa (Jalan))

SUN/operasi/parit/SMO

- surat pandeluman
- status UDM/woulai
- Laboran Pementuan

- kemaskini tracker/
KEMASKINI

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDM BHD	
TINDAKAN / MAKLUMAN	
<input type="checkbox"/>	KETUA OPERASI
<input type="checkbox"/>	PENGURUS SUMBER MANUSIA
<input type="checkbox"/>	KETUA PEMBANGUNAN PERMUDAAN
<input checked="" type="checkbox"/>	PEJABAT KORIDOR NEGARA
<input type="checkbox"/>	PEJABAT GAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN)
CATATAN	

Fm / Pa Sm
Fga

23/2/2026



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/01/26/0039 (14)
Tarikh : 4 Februari 2026

Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta,
Jalan Charleton,
Taman Cherry,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Bahagian Jalan)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK BERALAMAT DI LOT 29531
JALAN BATU 9, JALAN TANJUNG TUALANG 31800 TANJUNG
TUALANG PERAK UNTUK TETUAN C K SAWIT TRADING SDN BHD.
LOKASI : JALAN TANJUNG TUALANG (A15) ✓
(JARAK : 339 METER – OH)
KOORDINAT MULA: 4.336568, 101.066391
KOORDINAT AKHIR: 4.339441, 101.066490**

PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU ✓

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Tenaga Nasional Berhad** kerja pemasangan utiliti bagi **Permohonan Bekalan Elektrik Beralamat Di Lot 29531 Jalan Batu 9, Jalan Tanjung Tualang 31800 Tanjung Tualang Perak Untuk Tetuan C K Sawit Trading Sdn Bhd di Jalan Tanjung Tualang (A15) sepanjang 339 meter.**
3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat Permohonan Izin Lalu bagi melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut:

- (i) Pelan Cadangan laluan utiliti yang menunjukkan sempadan ROW jalan negeri Persekutuan dan lot tanah bersebelahan.
- (ii) Kaedah pemasangan utiliti mengikut cadangan laluan.
- (iii) Gambar-gambar lokasi.
- (iv) Tarikh jangka mula **23 Februari 2026** dan jangka siap **9 Mac 2026** (kerja ukur, cerapan data UDM dan penandaan di kawasan terlibat).

(13) PEJABAT JURUTERA DAERAH
JKR KINTA IPOH

09 FEB 2026	TERIMA	
-------------	--------	--

<input type="checkbox"/> JJ (1)	<input checked="" type="checkbox"/> TINDAKAN	<input type="checkbox"/> PJT (IPOH / PERSIAPAN)
<input type="checkbox"/> JJ (2)	<input type="checkbox"/> MAKLUMAN	<input type="checkbox"/> PJK (BATU GAJAH)
<input checked="" type="checkbox"/> JS	<input type="checkbox"/> BINCANG	<input type="checkbox"/> SUP
<input type="checkbox"/> JB (1)	<input type="checkbox"/> SIASAT / PERIKSA	<input type="checkbox"/> KPT (P)
<input type="checkbox"/> JB (2)	<input type="checkbox"/> SEMAK / KAJI	<input type="checkbox"/> KPT (W)
<input type="checkbox"/> JUB	<input type="checkbox"/> EDAR / PAMFR	<input type="checkbox"/> PJ.....
<input type="checkbox"/> PJT (BGN)	<input type="checkbox"/> FAIL / F&K	
	<input type="checkbox"/> SILA HA DIR	

*Syihan
uta tin daka
pi*

Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/01/26/0039 (16)
Tarikh : 4 Februari 2026

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK BERALAMAT DI LOT 29531
JALAN BATU 9, JALAN TANJUNG TUALANG 31800 TANJUNG
TUALANG PERAK UNTUK TETUAN C K SAWIT TRADING SDN BHD.
LOKASI : JALAN TANJUNG TUALANG (A15)
(JARAK : 339 METER – OH)
KOORDINAT MULA: 4.336568, 101.066391
KOORDINAT AKHIR: 4.339441, 101.066490**

PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

4. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nur Irdina Binti Azuri** di talian **012-3070954** untuk keterangan lanjut. Kerjasama daripada pihak tuan saya dahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OSA/04022026/W/n/Irdina

Salinan kepada:

- 1. PENGARAH JKR NEGERI**
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(u.p : Jurutera Awam Penguasa Jalan)
- 2. C K SAWIT TRADING SDN BHD**
Lot 29531,
Jalan Batu 9,
Jalan Tanjung Tualang,
31800 Perak,
Perak Darul Ridzuan
(u.p : Encik Kong Kok Meng)



KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN
BORANG ULASAN LAWATAN TAPAK AWALAN



NO. RUJUKAN FAIL: KUDR/TNBB/B/01/26/0039

TAJUK PROJEK :

PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK BERALAMAT DI LOT 29531 JALAN BATU 9, JALAN TANJUNG TUALANG 31800 TANJUNG TUALANG PERAK UNTUK TETUAN C K SAWIT TRADING SDN BHD.

PEMOHON :
SENG FATT JAYA ELECTRICAL SDN BHD

PENYEDIA UTILITI :
TENAGA NASIONAL BERHAD

PERINGKAT :

- KELULUSAN IZIN
- LALU PERMIT
- PEMANTAUAN
- SIAP KERJA

KATEGORI PEMOHON :

- PENYEDIA UTILITI
- PERUNDING
- PERSENDIRIAN
- PEMAJU

JARAK (METER)

339 METER

TARIKH LAWATAN

29 JANUARI 2026

DAERAH

KINTA

LOKASI / JALAN TERLIBAT

JALAN TANJUNG TUALANG (A15)

KOORDINAT MULA :

4.336568,101.066391

KOORDINAT AKHIR :

4.339441,101.066490

PIHAK BERKUASA MELULUS




JABATAN KERJA RAYA DAERAH KINTA

ULASAN KUDR :

1. Lawatan tapak telah dilakukan pada 29.01.2026 bersama-sama pihak Pemohon dan juga Wakil TNB bagi menyemak jajaran yang akan digunakan oleh Pihak Pemohon.
2. Hasil Lawatan Tapak dibuat, Pemohon memohon untuk melakukan kerja-kerja Penanaman Tiang (OH) sejajar di Jalan Tanjung Tualang (A15).
3. Semasa Lawatan Tapak Dijalankan, Pihak KUDR telah memaklumkan pada pemohon dan wakil TNB bahawa Pihak JKR tidak menerima sebarang kerja **Crossing Over Head**, sepertimana telah disebut didalam **Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti Di Jalan Perseketuan Tahun 2022**.

Berikut adalah maklumat yang telah dikemukakan didalam Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti Di Jalan Perseketuan Tahun 2022 :-

- a. Bagi kerja pemasangan utiliti merentangi jalan, hanya kaedah *Trenchless* sahaja yang dibenarkan.
- b. Tidak dibenarkan untuk memasang kabel secara *Overhead* merentangi jalan.
- c. Pemasangan kabel secara overhead hanya dibenarkan kabel yang selari dengan jalan sahaja. Manakala tiang yang dipasang hendaklah di kawasan *unpaved* dan berjarak 2 meter selepas gigi jalan (tertakluk kepada keadaan ditapak)
4. Perlu mematuhi kesemua keperluan berkaitan di dalam Seksyen 85, Akta 333 serta mematuhi perundangan lain yang berkaitan dari semasa ke semasa.
5. Sebarang kemudahan utiliti milik tuan tidak dibenarkan dipasang / ditambah pada struktur jambatan milik JKR bagi mengelakkan sebarang risiko kepada pengguna jalan serta aset kerajaan.
6. Telah mengambilkira keperluan dan risiko lain yang wujud akibat dari jajaran utiliti pihak lain sedia ada.
7. Secara keseluruhan, pihak JKR akan mengeluarkan surat maklumbalas bagi permohonan ini.

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN	PIHAK BERKUASA MELULUS	PEMOHON
		
NAMA : MUHAMAD FIRDAUS BIN APRISUL	NAMA : AHMAD SYIHAN	NAMA : Was kalc sen
JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI KORIDOR DAERAH	JAWATAN : PENOLONG JURUTERA	JAWATAN : eng fatt
TARIKH : 29.01.2026	TARIKH : 29.01.2026	TARIKH : 29.1.26